

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH  
[PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 10 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah perjawatan yang telah diwujudkan dan yang telah ditamatkan perkhidmatan di Kementerian Belia dan Sukan mengikut perincian umur 25 tahun dan ke bawah, 26 hingga 30 tahun, 31 hingga 40 tahun, dan 41 tahun ke atas, dari Mei 2019 hingga kini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, KBS telah diperuntukkan sebanyak 4,742 jawatan iaitu 4,222 perjawatan tetap (berdasarkan Waran Perjawatan Bil.S188/2018 dan Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) agensi berkaitan), 51 lantikan kontrak (OS11000) dan 469 lantikan kontrak (OS29000). Perincian mengikut 25 tahun ke bawah ialah 146 orang (3.08%), 26 tahun ke 30 tahun ialah 407 orang (8.58%), 31 tahun hingga 40 tahun ialah 2,411 orang (50.84%), manakala 41 tahun ke atas ialah 1,654 orang (34.88%). Tiada perjawatan tetap baharu diwujudkan di KBS sepanjang tahun 2019, manakala seorang pegawai telah ditamatkan perkhidmatan atas tindakan tatatertib pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.